

PERBANDINGAN TAHAP SIKAP, PEMIKIRAN DAN TINGKAH LAKU KEUSAHAWANAN DENGAN TAHAP PERANCANGAN BERNIAGA MAHASISWA JURUSAN SAINS

*(COMPARISON THE LEVEL OF ENTREPRENEURIAL ATTITUDE, THINKING AND
BEHAVIOR WITH BUSINESS PLANNING STAGE AMONG BACHELOR DEGREE IN
SCIENCE)*

Affzalina Hassan
Nor Aishah Buang

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap dan hubungan antara sikap, pemikiran dan tingkah laku keusahawanan dengan tahap perancangan berniaga. Kajian ini berbentuk kuantitatif deskriptif yang dilakukan secara tinjauan dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen. Seramai 308 orang mahasiswa tahun akhir Ijazah Sarjana Muda, jurusan Sains daripada beberapa Universiti Awam (UA) di sekitar Selangor iaitu di UKM, UPM dan USIM dipilih sebagai responden kajian. Teknik persampelan rawak berkelompok (cluster) digunakan bagi kajian ini. Penganalisan data menggunakan perisian SPSS iaitu analisis deskriptif dan korelasi Pearson. Dapatan kajian mendapati sikap, pemikiran, tingkah laku keusahawanan dan tahap perancangan berniaga adalah pada tahap sederhana bagi ketiga-tiga UA iaitu julat purata min antara 2.95 hingga 3.91. Pekali korelasi Pearson pula menunjukkan hubungan yang signifikan, lemah dan sederhana positif ($0.25 \leq r \leq 0.58$) pada aras signifikan 0.01. Kajian yang dijalankan ini terbatas kepada pelajar tahun akhir di UA sekitar Selangor sahaja dan generalisasi perlu dibuat berdasarkan data yang terkumpul. Hasil kajian ini diharap dapat membantu pihak pentadbir pendidikan melakukan inovasi dan transformasi terhadap kurikulum pendidikan keusahawanan terutamanya di peringkat IPT dengan lebih berkesan supaya dapat memupuk ciri-ciri keusahawanan pada tahap yang tinggi dalam diri pelajar.

Kata kunci: sikap keusahawanan; pemikiran keusahawanan; tingkah laku keusahawanan

Abstract

This research identify the level and relationship between attitudes, thinking and behavior of entrepreneurial with business planning stage. Descriptive quantitative by survey was conducted, using questionnaire as an instrument. 308 students of final year Bachelor degree in Science course from Public University (UA) in Selangor, which is UKM, UPM and USIM selected as respondents. Clustered random sampling techniques was used for this study. The analysis of data using SPSS software like descriptive analysis and Pearson correlation were done. Results showed attitudes, thinking, behavior entrepreneurial and business planning stage at moderate and low level for the three UA which is average range of mean 2.95 to 3.91. Pearson correlation coefficient showed significant relationship, weak and moderate positive ($0.25 \leq r \leq 0.58$) at the significant level of 0.01. This research limited to final year students at UA around Selangor only and generalizations should be made upon the collected data. The results of this study hopefully will help the administrators of educational make innovation and transformation of entrepreneurs education

curriculum, particularly at IPT level more effectively in order to foster entrepreneurship at a high level.

Keywords: entrepreneurial attitude; entrepreneurial thinking; entrepreneurial behavior

2017 GBSE Journal

Pengenalan

Bidang perniagaan dan keusahawanan amat dititikberatkan dalam sistem pendidikan pada masa kini. Menerusi penguasaan ciri-ciri keusahawanan seperti sikap, pemikiran ataupun tingkah laku keusahawanan dalam diri mahasiswa, secara tidak langsung dapat melahirkan niat ataupun keinginan dalam diri mereka untuk menceburkan diri dalam bidang ini pada masa akan datang dan melakukan perancangan untuk berniaga supaya dapat mencapai keinginan tersebut. Justeru, secara tidak langsung dapat mengurangkan kadar pengangguran yang tinggi terutamanya dalam kalangan graduan dan dapat membantu mengembangkan pertumbuhan ekonomi negara dengan lebih membangun.

Namun, melihat kepada statistik syarikat dan perniagaan yang berdaftar di Malaysia bagi tahun 2016 menunjukkan pengurangan sebanyak 49 buah syarikat tempatan yang berdaftar pada bulan Mei daripada bulan yang sebelumnya iaitu pada bulan April (Portal Suruhanjaya Syarikat Malaysia, 2016). Hal ini menjadi kebimbangan kerana pengurangan bilangan syarikat tempatan ini akan menjejaskan pendapatan ekonomi negara. Walaupun, pelbagai usaha telah disediakan oleh badan-badan kerajaan dan swasta iaitu dari segi kemudahan pembiayaan, infrastruktur, latihan dan bimbingan serta penyelidikan untuk pembangunan kualiti sesuatu produk ataupun perkhidmatan. Tetapi, kemudahan ini tidak digunakan secara optimum oleh masyarakat terutamanya bagi mahasiswa di peringkat pengajian tinggi kerana mempunyai tahap kesediaan yang rendah untuk menceburi bidang perniagaan (Mohd Shahrir, 2015; Yusof & Sapiyah, t.t.; Hasniza, 2011). Mahasiswa tidak menguasai ciri-ciri keusahawanan dengan sebaiknya iaitu dari segi sikap, pemikiran, tingkah laku, nilai ataupun kemahiran keusahawanan untuk menggalakkan mereka terlibat dalam bidang perniagaan dan keusahawanan sebagai satu alternatif pilihan kerjaya kepada mereka pada masa hadapan (Baharu Kemat & Mohammed Zain, 2013; Armanurah, Syahrina & Lily Julienti, 2015; Adnan, Nurul Hidayah, Abd Rahman & Mohd Anuar, 2009; Nor Aishah, 2011; Siti Hawa, 2009).


Mohd Shahrir (2015) kajian mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar-pelajar diploma Kejuruteraan politektik dalam menceburi bidang keusahawanan mendapati elemen sikap dan kecenderungan personaliti merupakan penghalang kepada penyertaan pelajar dalam bidang keusahawanan ataupun perniagaan di mana pelajar-pelajar tidak mempunyai kualiti yang diperlukan untuk menjadi seorang usahawan ataupun ahli perniagaan. Antara faktor-faktor penghalang yang lain pula adalah seperti tidak berani untuk menanggung risiko, tiada keyakinan dan kurang kepercayaan terhadap kebolehan diri sendiri (Mohd Hafeez Al-Amin, 2013; Norasmah, Azzyyati & Muhammad, 2009). Faktor-faktor penghalang ini dapat dikelaskan sebagai sikap keusahawanan. Sikap keusahawanan merupakan ciri utama yang menentukan kejayaan seseorang individu terhadap matlamat yang ingin dicapai di samping pemikiran dan tingkah laku keusahawanan yang turut menyumbang kepada pembentukan diri seseorang usahawan (Nor Aishah, 2011). Sekiranya ciri-ciri keusahawanan ini tidak dapat dikuasai dengan sepenuhnya,

maka menjadi kekangan ataupun permasalahan dalam melahirkan pelajar yang bersifat holistik dan menyeluruh (PPPM 2013-2025). Selain itu, penglibatan syarikat tempatan dalam bidang perniagaan dan keusahawanan juga akan berkurangan kerana tidak dapat melahirkan mahasiswa yang berkualiti (Mohd Shahrir, 2015). Jadi, dapat dilihat sikap, pemikiran dan tingkah laku keusahawanan merupakan elemen yang penting dalam menentukan niat ataupun keinginan seseorang individu untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan dan keusahawanan serta memantapkan hasrat tersebut dengan melakukan perancangan berniaga yang rapi iaitu perancangan meliputi aspek idea dan peluang perniagaan, strategi pemasaran, kewangan dan operasi perniagaan.

Melihat kepada kepentingan ciri-ciri keusahawanan tersebut, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap dan hubungan sikap, pemikiran dan tingkah laku keusahawanan dengan tahap perancangan berniaga dalam kalangan mahasiswa jurusan Sains di UA. Pengkaji ingin mengenal pasti sama ada sikap, pemikiran dan tingkah laku keusahawanan pada tahap yang tinggi ataupun rendah akan memberi kesan terhadap tahap perancangan berniaga. Selain itu, pengkaji juga ingin mengenal pasti sama ada hubungan sikap, pemikiran dan tingkah laku keusahawanan yang kuat ataupun lemah mempengaruhi tahap perancangan berniaga dalam kalangan mahasiswa. Jadi, untuk menjawab persoalan ini, pengkaji telah memilih sampel kajian iaitu mahasiswa tahun akhir Ijazah Sarjana Muda bagi Fakulti Sains di UKM, UPM dan USIM. Pengkaji melakukan penyelidikan secara menyeluruh terhadap ciri-ciri keusahawanan iaitu sikap, pemikiran dan tingkah laku keusahawanan supaya dapat ketahui pembentukan usahawan dalam diri mahasiswa serta tahap perancangan berniaga mereka menerusi penguasaan mereka terhadap ciri-ciri keusahawanan tersebut berbanding dengan kajian-kajian yang sebelumnya, tidak melihat perkaitan bagi ketiga-tiga elemen ini dalam mengukur pembentukan diri seorang usahawan. Sebagai contoh, kajian Baharu Kemat & Mohammed Zain (2013) yang mengkaji mengenai kecenderungan keusahawanan kepada pelajar universiti, di mana pengkaji hanya menggunakan pendekatan sikap keusahawanan sahaja iaitu melihat dari aspek pencapaian, penghargaan diri, inovasi dan kawalan personal. Tetapi, elemen pemikiran dan tingkah laku keusahawanan tidak diketengahkan. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk ketahui penguasaan sikap, pemikiran dan tingkah laku keusahawanan mampu memberi kesan ataupun tidak terhadap tahap perancangan berniaga dalam kalangan mahasiswa.

Kerangka Konseptual

Rajah 1: Kerangka konseptual



Berdasarkan Rajah 1 di atas, dapat dilihat menerusi ciri-ciri keusahawanan seperti sikap, pemikiran dan tingkah laku keusahawanan dapat menanamkan niat dalam diri individu untuk memulakan

sesebuah perniagaan dan seterusnya melakukan tindakan iaitu membuat perancangan untuk berniaga. Kerangka konseptual ini dibentuk hasil daripada gabungan tiga buah model iaitu *theory of reasoned action*, *model of critical thinking* dan *integrated behavioral model*. Menurut *theory of reasoned action* oleh Ajzen & Fishbein (1975), menerangkan bahawa menerusi kepercayaan dan penilaian terhadap sesuatu tingkah laku dapat membentuk sikap terhadap tingkah laku iaitu sekiranya sikap seseorang individu semakin suka terhadap sesuatu objek maka kebarangkalian individu bertindak terhadap sesuatu perlakuan semakin besar. Bagi *model of critical thinking* oleh Huitt (1998) pula menyatakan bahawa dengan adanya pemikiran yang kritikal, membuatkan kepercayaan terhadap sesuatu perkara sebelum ini adalah benar dan disahkan ataupun kepercayaan baru akan di bina. Hal ini secara tidak langsung mempengaruhi seseorang individu untuk merancang dan mengambil tindakan agar pemikiran kritikal dapat bertindak sebagai panduan kepada tingkah laku. Merujuk *integrated behavioral model* oleh Montano & Kasprzk (2008) pula menjelaskan bahawa melalui sikap pengalaman yang dilalui sebelumnya terhadap sesuatu ransangan yang diminati akan mempengaruhi emosi seseorang individu untuk bertindak balas bagi idea untuk melaksanakan sesuatu tingkah laku yang ingin dicapai dan bagi sikap instrumental pula mendorong individu untuk membentuk kepercayaan tentang hasil tingkah laku yang ingin dilaksanakan. Jadi, sekiranya sikap, pemikiran dan tingkah laku keusahawanan yang positif dapat dibina akan mendorong individu untuk mempunyai niat bagi memulakan perniagaan, seterusnya melakukan tindakan iaitu dengan membuat perancangan berniaga.

Metodologi

Reka bentuk kajian adalah satu penetapan yang penting dalam menjalankan sesuatu kajian bagi kegunaan pengkaji supaya pengkaji tidak tersasar daripada falsafah penyelidikan yang telah ditentukan (Kerlinger, 1986). Justeru, bagi penyelidikan yang dijalankan ini, pengkaji menggunakan reka bentuk kajian yang berbentuk kuantitatif deskriptif yang dilakukan secara tinjauan. Bentuk kajian ini digunakan terutamanya apabila untuk mendapatkan maklumat daripada saiz sampel kajian yang ramai dan dijalankan ke atas sampel dalam sesuatu populasi. Sampel yang dipilih haruslah mempunyai ciri atau sifat populasi yang ingin dikaji oleh pengkaji supaya maklumat yang diperolehi boleh memberi kenyataan dan gambaran umum tentang keseluruhan populasi yang dikaji (Sekaran & Bougie, 2013). Melalui reka bentuk ini, pengkaji dapat mengukur dan membuat generalisasi dengan lebih tepat terhadap objektif dan persoalan kajian iaitu untuk mengenal pasti tahap serta hubungan sikap, pemikiran dan tingkah laku keusahawanan dengan tahap perancangan berniaga. Penyelidikan ini juga dapat dijalankan dalam skop yang lebih luas iaitu melalui penetapan saiz sampel kajian yang besar. Kemudian, pengumpulan data bagi saiz sampel kajian yang besar boleh menggunakan kaedah tinjauan iaitu menerusi pengedaran borang soal selidik sebagai instrumen kepada responden kajian yang dijalankan.

Populasi bagi kajian ini ialah mahasiswa Ijazah Sarjana Muda daripada beberapa UA di sekitar Selangor. Sampel kajian pula adalah mahasiswa-mahasiswa tahun akhir pengajian yang mengambil Ijazah Sarjana Muda bagi Fakulti Sains di UKM, UPM dan USIM. Teknik persampelan rawak berkelompok (*cluster*) digunakan bagi kajian ini kerana pengkaji mempunyai kesulitan iaitu sukar untuk mendapat senarai ahli populasi dan tiada peruntukan untuk pergi ke semua lokasi kajian untuk mendapatkan generalisasi kajian yang lebih tepat dan benar, serta sampel yang dipilih dalam kajian ini adalah mewakili sampel lain yang tidak dilibatkan dalam kajian. Saiz sampel kajian pula adalah seramai 308 orang mahasiswa. Saiz sampel kajian ini

ditentukan menerusi penentuan saiz sampel Krejcie & Morgan (1970) iaitu bagi populasi seramai 1600 orang, saiz sampel adalah seramai 310 orang. Jadi, pengkaji menetapkan saiz sampel seramai 308 orang responden berdasarkan jumlah populasi kajian iaitu seramai 1544 orang mahasiswa daripada ketiga-tiga UA tersebut.

Pengumpulan data bagi kajian yang dijalankan ini adalah menerusi borang soal selidik yang diedarkan kepada responden di mana pengkaji ingin mengenal pasti tahap dan hubungan bagi sikap, pemikiran dan tingkah laku keusahawanan terhadap tahap perancangan berniaga dalam kalangan mahasiswa. Oleh itu, pengkaji menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian ini supaya dapat mengetahui tahap dan hubungan variabel yang dikaji. Instrumen ini diadaptasi dari PIKEN iaitu Psikometriks Indeks Keusahawanan Nor Aishah (Nor Aishah, 2011) dan soal selidik daripada beberapa pengkaji yang lain iaitu Mohd Hassan, 2007; Ravi, 2015; Mohd Fathullah, 2013; Milawati, 2007; Puspawati, 2013; Arnida et al., 2007. Pengkaji juga melakukan kajian rintis kepada 30 orang mahasiswa tahun akhir Ijazah Sarjana Muda bagi Fakulti Sains dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) untuk menguji kesahan dan kebolehpercayaan kajian serta memastikan item-item yang dibina dalam soal selidik adalah tepat, tidak mengelirukan dan difahami oleh responden. Berdasarkan analisis kebolehpercayaan yang dijalankan, Cronbach's Alpha bagi kesemua pemboleh ubah adalah antara 0.661 hingga 0.978 yang bererti bahawa item yang dibina bagi soal selidik adalah dipercayai. Pengkaji telah menghantar dan menerima 308 borang soal selidik iaitu bagi responden di UKM sebanyak 108, UPM dan USIM sebanyak 100 borang soal selidik. Seterusnya, bagi menganalisis data, analisis deskriptif dan analisis korelasi telah dijalankan untuk mendapatkan dapatan bagi kajian yang dijalankan ini. Menerusi analisis deskriptif, pengkaji dapat mengenal pasti tahap sikap, pemikiran dan tingkah laku keusahawanan dengan tahap perancangan berniaga dalam kalangan mahasiswa, melalui purata min dan sisihan piawai. Bagi analisis korelasi pula, pengkaji dapat mengenal pasti hubungan sikap, pemikiran dan tingkah laku keusahawanan dengan tahap perancangan berniaga dalam kalangan mahasiswa sama ada mempunyai hubungan signifikan positif yang kuat, sederhana ataupun lemah.

Dapatan

Analisis deskriptif: Mengenal pasti tahap sikap, pemikiran dan tingkah laku keusahawanan dengan tahap perancangan berniaga.

Jadual 1: Skor Min dan Interpretasi

Skor Min	Interpretasi
1.00-2.00	Sangat rendah
2.01-3.00	Rendah
3.01-4.00	Sederhana
4.01-5.00	Tinggi

Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. (2006). Laporan kajian penilaian graduan NPQH. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.

Jadual 2: Purata min dan sisihan piawai tahap sikap, pemikiran, tingkah laku keusahawanan dan tahap perancangan berniaga mahasiswa jurusan Sains, UKM.

Pemboleh ubah	N	Min	S.P	Interpretasi
Sikap keusahawanan	108	3.85	.81	Sederhana
Pemikiran keusahawanan	108	3.64	.89	Sederhana
Tingkah laku keusahawanan	108	3.35	1.16	Sederhana
Tahap perancangan berniaga	108	3.50	1.70	Sederhana

Jadual 3: Purata min dan sisihan piawai tahap sikap, pemikiran, tingkah laku keusahawanan dan tahap perancangan berniaga mahasiswa jurusan Sains, UPM.

Pemboleh ubah	N	Min	S.P	Interpretasi
Sikap keusahawanan	100	3.91	.66	Sederhana
Pemikiran keusahawanan	100	3.68	.79	Sederhana
Tingkah laku keusahawanan	100	3.40	.99	Sederhana
Tahap perancangan berniaga	100	3.40	1.80	Sederhana

Jadual 4: Purata min dan sisihan piawai tahap sikap, pemikiran, tingkah laku keusahawanan dan tahap perancangan berniaga mahasiswa jurusan Sains, USIM.

Pemboleh ubah	N	Min	S.P	Interpretasi
Sikap keusahawanan	100	3.86	.89	Sederhana
Pemikiran keusahawanan	100	3.63	.89	Sederhana
Tingkah laku keusahawanan	100	3.14	1.18	Sederhana
Tahap perancangan berniaga	100	2.95	1.79	Rendah

Merujuk jadual di atas, berdasarkan hasil dapatan kajian yang dijalankan, menerusi analisis deskriptif mendapati tahap sikap, pemikiran dan tingkah laku keusahawanan terhadap tahap perancangan berniaga dalam kalangan mahasiswa adalah pada tahap sederhana dan rendah di mana julat purata min bagi kesemua pemboleh ubah iaitu antara 2.95 hingga 3.91 dengan sisihan piawai antara 0.66 hingga 1.80. Bagi mahasiswa UKM dan UPM, tahap perancangan berniaga adalah pada tahap sederhana dengan nilai min 3.50 dan sisihan piawai 1.70, mahasiswa UKM, seterusnya nilai min 3.40 dan sisihan piawai 1.80, mahasiswa UPM. Manakala, bagi mahasiswa USIM pula tahap perancangan berniaga adalah pada tahap rendah dengan nilai min 2.95 dan sisihan piawai 1.79. Kemudian, purata min bagi sikap, pemikiran dan tingkah laku keusahawanan pula adalah pada tahap sederhana bagi ketiga-tiga universiti. Berdasarkan dapatan, sikap, pemikiran dan tingkah laku keusahawanan mahasiswa UPM adalah lebih tinggi berbanding mahasiswa UKM dan USIM di mana sikap keusahawanan dengan nilai min 3.91 dan sisihan piawai 0.66, pemikiran keusahawanan dengan nilai min 3.68 dan sisihan piawai 0.79 dan tingkah laku keusahawanan dengan nilai min 3.40 dan sisihan piawai 0.99. Kemudian, julat min bagi kesemua pemboleh ubah adalah antara 2.60 hingga 4.30. Hal ini mencerminkan bahawa tahap penguasaan mahasiswa bagi ciri-ciri keusahawanan iaitu sikap, pemikiran dan tingkah laku keusahawanan perlu dipupuk lagi supaya dapat menggalakkan mereka menceburkan diri dalam bidang perniagaan dan keusahawanan serta melaksanakan perancangan berniaga yang lebih mantap.

Analisis korelasi Pearson: Mengenal pasti hubungan sikap, pemikiran dan tingkah laku keusahawanan dengan tahap perancangan berniaga.

Jadual 5: Hubungan korelasi

Korelasi antara	Interpretasi
0.80 – 1.00	Sangat kuat
0.60 – 0.80	Kuat
0.40 – 0.60	Sederhana
0.20 – 0.40	Lemah
0.00 – 0.20	Sangat lemah

Sumber: Sekaran, U. (2006). *Research Method for Business: A Skill Building Approach*. New Delhi: John Wiley & Sons. Inc.

Jadual 6: Hubungan korelasi antara sikap, pemikiran dan tingkah laku keusahawanan dengan tahap perancangan berniaga mahasiswa jurusan Sains, UKM, UPM dan USIM.

Pemboleh ubah	Nilai korelasi (r)	Nilai signifikan (p)
Sikap keusahawanan	0.25**	0.00
Pemikiran keusahawanan	0.30**	0.00
Tingkah laku keusahawanan	0.58**	0.00

Dapatan kajian menunjukkan tahap perancangan berniaga selaku pemboleh ubah bersandar dan kesemua pemboleh ubah bebas iaitu sikap, pemikiran dan tingkah laku keusahawanan mempunyai hubungan yang signifikan, lemah dan sederhana positif, pada aras signifikan 0.01 dengan nilai koefisien r tersebar di antara 0.25 hingga 0.58. Komponen tingkah laku keusahawanan mempunyai hubungan yang sederhana ($r = 0.58$) dengan tahap perancangan berniaga berbanding komponen sikap dan pemikiran keusahawanan yang mempunyai hubungan yang lemah iaitu dengan nilai r 0.25 dan 0.30.

Perbincangan

Analisis deskriptif: Mengenal pasti tahap sikap, pemikiran dan tingkah laku keusahawanan dengan tahap perancangan berniaga.

Menerusi analisis deskriptif yang dijalankan mendapati tahap sikap, pemikiran dan tingkah laku keusahawanan terhadap tahap perancangan berniaga dalam kalangan mahasiswa adalah pada tahap sederhana di mana purata min bagi kesemua pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar adalah pada tahap sederhana dan rendah. Purata min bagi sikap keusahawanan menunjukkan tahap yang sederhana di mana penguasaan sikap keusahawanan mahasiswa jurusan Sains di UKM, UPM dan USIM perlu dipertingkatkan lagi dengan memberi pendedahan yang meluas kepada mahasiswa dalam bidang perniagaan dan keusahawanan. Hal ini kerana sekiranya tahap sikap keusahawanan mahasiswa adalah tinggi, secara tidak langsung mendorong tahap

perancangan berniaga mahasiswa mencapai tahap yang lebih baik. Baharu Kemat & Mohammed Zain (2013) dan Mohd Hassan (2007) menyatakan bahawa dengan penguasaan sikap keusahawanan, menjadikan individu sentiasa bersedia untuk berhadapan dengan ketidakpastian melalui kreativiti dan kesungguhan untuk mencapai kejayaan serta dapat mendorong individu untuk lebih kompetitif dalam mencapai keinginan dan tindakan yang dirancangan. Tetapi, sekiranya sikap keusahawanan adalah pada tahap sederhana dan rendah, hal ini boleh mempengaruhi mahasiswa dalam menceburi bidang perniagaan dan keusahawanan. Selaras dengan dapatan Mohd Shahrir, 2015; Norasmah, Azzyati & Muhammad, 2009; Mohd Hafeez Al-Amin, 2013 yang menunjukkan sikap keusahawanan pada tahap sederhana menyebabkan penglibatan mahasiswa dalam bidang perniagaan dan keusahawanan adalah kurang menggalakkan. Pengkaji mendapati bahawa faktor kurang keyakinan diri dan tidak berani mengambil risiko menyebabkan kurang penglibatan mahasiswa dalam mengendalikan perniagaan ataupun menceburi bidang keusahawanan. Berbeza dengan kajian Mohd Hassan (2007) yang menunjukkan sikap keusahawanan pada tahap yang tinggi menyebabkan individu lebih berkeinginan untuk menjadi seorang usahawan. Hal ini kerana, dengan penguasaan sikap keusahawanan dalam diri seseorang individu menjadikan mereka peka terhadap keperluan dan kehendak semasa, sanggup mengorbankan masa untuk mencapai keinginan yang dikehendaki serta mempunyai kebolehan dalam menyelesaikan masalah secara relatif.

Seterusnya, purata min bagi pemikiran dan tingkah laku keusahawanan menunjukkan tahap yang sederhana di mana pemikiran dan tingkah laku keusahawanan dalam diri mahasiswa perlu dikembangkan lagi dengan memberi latihan keusahawanan supaya dapat meningkatkan keupayaan mereka dalam mencari idea dan peluang keusahawanan sebelum menjadi usahawan.

Hal ini kerana dengan penguasaan tahap pemikiran dan tingkah laku keusahawanan yang mendalam ataupun tinggi dapat menimbulkan minat mahasiswa untuk terlibat dalam bidang keusahawanan dan memberi idea dalam merancang perniagaan yang bakal dijayakan kelak. Maya Metriana (2014) menjelaskan bahawa dalam pengembangan pendidikan tidak memfokuskan pembelajaran kuliah sahaja tetapi turut melaksanakan kegiatan luaran yang lain supaya dapat menjana pemikiran yang kritikal dan memberikan pengalaman yang bermakna kepada mahasiswa, di mana mahasiswa terlibat dengan kegiatan dalaman dan luaran kampus bahkan terdapat sebilangan besar mahasiswa yang berniaga sambil belajar. Secara tidak langsung, hal ini menyebabkan mahasiswa lebih cenderung untuk menceburi bidang perniagaan dan keusahawanan seterusnya melakukan perancangan berniaga yang rapi untuk mencapai realiti yang sebenar. Tetapi, sekiranya mahasiswa tidak diberi pendedahan, latihan dan pengalaman seperti menjadi ahli koperasi ataupun menyertai program, bengkel, kursus serta seminar keusahawanan, ini akan membantutkan niat mereka untuk menceburi bidang perniagaan dan keusahawanan kerana memiliki tahap pemikiran dan tingkah laku keusahawanan yang rendah ataupun sederhana (Nor Aishah, 2011; Adnan, Nurul Hidayah, Abd Rahman & Mohd Anuar, 2009). Selaras dengan kajian Istetimurni & Noviarti (2016) yang mendapati pemikiran dan tingkah laku keusahawanan pada tahap yang sederhana menyebabkan usahawan yang dilahirkan adalah usahawan yang kurang inovatif dan tidak berminat untuk meneroka bidang perniagaan dan keusahawanan dengan lebih mendalam. Manakala, dapatan kajian Zulfaka, Nor Aishah & Lilia, 2011; Armanurah, Syahrina & Lily Julienti, 2015; Hariyaty, 2008 menunjukkan dapatan yang berbeza di mana mendapati pemikiran dan tingkah laku keusahawanan pada tahap yang tinggi menjadikan seseorang individu mempunyai keupayaan untuk menangani hal-hal yang kompleks dan kabur dengan berkesan serta mempunyai kualiti diri seperti pengetahuan, analitikal, strategik, fleksibel, sensitif dan terbuka.

Pemikiran keusahawanan pada tahap yang tinggi menyebabkan individu akan bertingkah laku supaya dapat mengintegrasikan pemikiran ini dalam mencapai keinginan mereka. Hal ini secara tidak langsung menggalakkan individu untuk melaksanakan perancangan berniaga dengan lebih efektif dan efisien supaya hasrat mereka untuk terlibat dalam bidang perniagaan dan keusahawanan dapat dicapai.

Secara keseluruhannya, dapatan ini mempunyai persamaan dengan beberapa kajian lepas seperti Mohd Shahrir, 2015; Norasmah, Azzyyati & Muhammad, 2009; Mohd Hafeez Al-Amin, 2013; Zulfaka, Nor Aishah & Lilia, 2011; Armanurah, Syahrina & Lily Julienti, 2015; Hariyaty, 2008; Mohd Hassan, 2007; Istetimurni & Noviarti, 2016 bersetuju bahawa penguasaan tahap sikap, pemikiran dan tingkah laku keusahawanan secara tidak langsung menggalakkan penglibatan individu dalam bidang perniagaan dan keusahawanan serta mendorong mereka melakukan perancangan berniaga dengan lebih mantap.

Analisis korelasi: Mengenal pasti hubungan sikap, pemikiran dan tingkah laku keusahawanan dengan tahap perancangan berniaga.

Berdasarkan hasil dapatan bagi analisis korelasi pula menunjukkan hubungan signifikan, positif yang lemah dan sederhana antara sikap, pemikiran dan tingkah laku keusahawanan dengan tahap perancangan berniaga dalam kalangan mahasiswa jurusan Sains di UKM, UPM dan USIM. Sikap, pemikiran dan tingkah laku keusahawanan yang dimiliki oleh mahasiswa kurang membantu mereka dalam melakukan perancangan berniaga. Hal ini kerana mereka tidak mendapat banyak pendedahan dan pengalaman yang meluas dalam bidang perniagaan dan keusahawanan untuk menggalakkan mereka merancang untuk berniaga. Justeru, mahasiswa perlu diberi latihan keusahawanan seperti menyertai program, bengkel, kursus ataupun seminar keusahawanan untuk menimba pengalaman dan mendapatkan banyak pendedahan supaya dapat menanamkan niat untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan dan keusahawanan di samping melaksanakan perancangan berniaga untuk mencapai niat tersebut (Nor Aishah, 2011). Baharu Kemat & Mohammed Zain, 2013; Adnan, Nurul Hidayah, Abd Rahman & Mohd Anuar, 2009; Siti Hawa, 2009 mendapati hubungan positif yang kuat bagi sikap, pemikiran dan tingkah laku keusahawanan menjadikan individu lebih cenderung mempunyai keinginan untuk menceburi bidang perniagaan dan keusahawanan dan secara tidak langsung mendorong mereka melaksanakan perancangan berniaga yang rapi. Sebagai contoh, kajian yang dijalankan oleh Siti Hawa (2009) mengenai kecenderungan keusahawanan di kalangan pelajar bidang kejuruteraan IPTA di kawasan Utara Semenanjung Malaysia yang mendapati kawalan tingkah laku yang mempunyai hubungan yang positif dan signifikan dengan kecenderungan keusahawanan. Menerusi kajian ini, kebarangkalian para pelajar menjadi usahawan setelah tamat pengajian kelak adalah tinggi sekiranya mereka diberi tumpuan, galakan dan pendedahan yang menyeluruh dalam bidang perniagaan dan keusahawanan. Tetapi, sekiranya mahasiswa tidak diberi galakan, dorongan dan pendedahan mengenai bidang perniagaan dan keusahawanan, ini akan memberi impak kepada penglibatan mahasiswa dalam bidang ini kerana tidak menguasai sikap, pemikiran dan tingkah laku keusahawanan dengan menyeluruh. Selaras dengan kajian Istetimurni & Noviarti, 2016; Maya Metriana, 2014; Mohd Hafeez Al-Amin, 2013 yang menyatakan bahawa hubungan yang sederhana ataupun lemah bagi sikap, pemikiran dan tingkah laku keusahawanan turut mempengaruhi penglibatan mahasiswa dalam bidang perniagaan dan keusahawanan di mana keinginan dan tindakan ke arah keusahawanan bukannya menjadi satu keutamaan bagi diri mereka dalam mencapai kejayaan pada

masa akan datang. Berbeza dengan kajian Adnan, Nurul Hidayah, Abd Rahman & Mohd Anuar (2009) yang mendapati hubungan positif yang kuat bagi ciri dan gaya pemikiran keusahawanan dapat membentuk mahasiswa untuk menjadi usahawan iaitu dengan menerapkan ciri-ciri keusahawanan melalui aktiviti penyelesaian masalah dan aktiviti-aktiviti yang dapat membina keyakinan diri mahasiswa supaya dapat menanamkan niat ataupun keinginan dalam diri mereka untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan dan keusahawanan serta melakukan perancangan berniaga untuk direalisasikan pada masa akan datang. Secara keseluruhannya, dapatan ini mempunyai persamaan dengan beberapa kajian lepas seperti Istetimurni & Novianti, 2016; Maya Metriana, 2014; Mohd Hafeez Al-Amin, 2013 bersetuju bahawa sikap, pemikiran dan tingkah laku keusahawanan mempunyai hubungan secara tidak langsung terhadap penglibatan individu dalam bidang perniagaan dan keusahawanan serta melaksanakan perancangan berniaga sebagai gerak kerja pertama dalam mencapai hasrat tersebut.

Akhir sekali, menerusi perbincangan ini dapat disimpulkan bahawa implikasi kajian ini terutamanya kepada pihak pentadbir pendidikan untuk merangka pelbagai aktiviti keusahawanan pada setiap peringkat dan kursus pengajian dengan lebih inovatif iaitu menggunakan pendekatan yang sebenar kepada mahasiswa untuk meneroka bidang perniagaan dan keusahawanan dengan lebih menyeluruh di samping dapat membangunkan negara dengan adanya pelapis negara yang mahir dan berdaya saing. Antaranya program keusahawanan seperti '*Student In Free Enterprise*' atau SIFE di setiap Institut Pengajian Tinggi (IPT). Menerusi program SIFE ini mahasiswa dilatih untuk merancang dan mengendalikan aktiviti yang memiliki elemen keusahawanan yang diuruskan secara berkumpulan dalam satu jangka masa tertentu. Kumpulan tersebut juga tersebut berpeluang berurusan dan membina rangkaian kerjasama dengan sektor korporat. Program ini seterusnya diperkasakan menerusi geran daripada yayasan atau pihak swasta supaya menarik minat graduan untuk menceburi bidang keusahawanan dan membentuk diri menjadi usahawan yang berdaya saing kelak. Kemudian, hasil kajian ini juga dapat memberi gambaran kepada pihak berkepentingan untuk mempertingkatkan penguasaan ciri-ciri keusahawanan seperti sikap, pemikiran dan tingkah laku keusahawanan kepada para pelajar di setiap peringkat dan kursus pengajian terutamanya kepada mahasiswa IPT di mana dapat dilihat penguasaan mahasiswa masih lagi pada tahap yang sederhana dan perlu diberi galakan, tumpuan, pendedahan dan dorongan yang sewajarnya supaya mereka dapat membina kerjaya yang baik pada masa akan datang dan mampu memberi sumbangan yang bermakna kepada pembangunan negara kelak. Selain itu, menerusi hasil kajian ini juga dapat ketahui kekangan ataupun halangan utama kepada mahasiswa melibatkan diri dalam bidang perniagaan dan keusahawanan dengan tindakan iaitu melakukan perancangan berniaga sebagai gerak kerja pertama, adalah disebabkan kekurangan dari segi faktor dalaman seperti tiada keyakinan diri, kurang percaya terhadap kebolehan diri serta tidak berani untuk menanggung risiko. Hal ini dapat dilihat menerusi item yang dibina dalam borang soal selidik yang merangkumi aspek sikap, pemikiran dan tingkah laku keusahawanan serta tahap perancangan berniaga yang menunjukkan tahap yang sederhana. Seterusnya, bagi cadangan kajian yang seterusnya, dicadangkan untuk meluaskan skop kajian dengan mengambil sampel kajian mahasiswa tahun akhir di IPT iaitu merangkumi mahasiswa- mahasiswa tahun akhir dari universiti awam dan universiti swasta serta melihat perbandingan dapatan bagi kedua-dua IPT ataupun menggunakan reka bentuk kajian iaitu kaedah campuran dengan melakukan bentuk kajian kuantitatif secara tinjauan dan bentuk kajian kualitatif secara temu bual, supaya dapat mengenal pasti dengan tepat kekangan ataupun halangan kepada mahasiswa dalam melakukan perancangan berniaga pada masa kini.

Kesimpulan

Hasil kajian ini mendapati bahawa tahap perancangan berniaga mahasiswa jurusan Sains, UKM, UPM dan USIM adalah pada tahap sederhana dan rendah iaitu tahap perancangan berniaga mahasiswa UKM dan UPM adalah pada tahap sederhana dan mahasiswa USIM pada tahap yang rendah. Bagi tahap sikap, pemikiran dan tingkah laku keusahawanan pula adalah pada tahap sederhana dan sekiranya melihat kepada keseluruhan skor min bagi ketiga-tiga UA ini, mahasiswa UPM mempunyai skor min yang lebih tinggi berbanding mahasiswa UKM dan USIM. Manakala, bagi hubungan pula, sikap, pemikiran dan tingkah laku keusahawanan mempunyai hubungan yang lemah dan sederhana dengan tahap perancangan berniaga. Secara keseluruhan, mahasiswa terutamanya bagi mahasiswa jurusan Sains masih belum menguasai ciri-ciri keusahawanan secara sepenuhnya seperti yang dikehendaki dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang ingin melahirkan mahasiswa yang berciri keusahawanan. Oleh itu, pihak pentadbir pendidikan perlu menekankan aspek keusahawanan dalam diri setiap pelajar terutamanya mahasiswa di peringkat pengajian tinggi dengan lebih inovatif supaya dapat meningkatkan keluaran sumber guna tenaga dan kepakaran individu dalam membangunkan ekonomi negara iaitu menerusi penglibatan mahasiswa dalam merancang untuk berniaga. Mahasiswa perlu diberi galakan, dorongan, pendedahan serta sokongan yang lebih padu supaya penglibatan mahasiswa dalam merancang untuk berniaga dapat ditingkatkan kepada tahap dan peratusan yang lebih tinggi di samping membangunkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian selari dengan hasrat Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK Ke-9) yang dilancarkan pada tahun 2006 di mana antara misi nasional berdasarkan lima teras utama adalah untuk meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk ‘minda kelas pertama’ dalam kalangan masyarakat supaya mampu melahirkan usahawan yang berdaya saing, berdaya tahan dan mantap dalam kalangan mahasiswa pada masa kini.

Penghargaan

Terima kasih yang tidak terhingga kepada semua individu yang telah terlibat dan membantu dalam menyiapkan kajian ini secara langsung ataupun tidak langsung. Terima kasih yang tidak terhingga kepada Prof. Dr. Nor Aishah Buang selaku penyelia, di atas segala bimbingan dan tunjuk ajar beliau. Seterusnya, jutaan terima kasih kepada responden bagi kajian ini iaitu pelajar-pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda jurusan Sains di UKM, UPM dan USIM yang sudi memberi kerjasama dalam menjawab soal selidik bagi kajian ini. Sejuta kemaafan dihulurkan sekiranya terdapat kesilapan dan kekurangan dalam kajian ini, segala kekurangan harap dimaafkan. Sesungguhnya yang baik itu datangnyanya dari Allah dan yang buruk itu datangnyanya dari kelemahan saya sendiri.

Rujukan

Adnan, Nurul Hidayah, Abd Rahman & Mohd Anuar. (2009). *Ciri dan gaya pemikiran keusahawanan dalam kalangan pelajar Pusat Kokurikulum Keusahawanan UTM*. Universiti Teknologi Malaysia.

- Ajzen, I. & Fishbein, M. (1975). *Belief, Attitude, Intention and Behavior: An Introduction to Theory and Research*. Reading, MA: Addison-Wesley.
- Armanurah Mohamad, Syahrina Abdullah & Lily Julienti Abu Bakar. (2015). Transformasi pemikiran keusahawanan bagi dimensi mengenal peluang keusahawanan dalam kalangan OKU. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 1 (1), 68-76.
- Arnida Abdullah, Dalilah Mohd Rubi, Suriani Mohamed, Faridah Mariani Johar. (2007). *Perniagaan dan Keusahawanan*. Open University Malaysia.
- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. (2006). Laporan kajian penilaian graduan NPQH. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Baharu Kemat Al-Haj & Mohammed Zain Yusof. (2013). Sikap keusahawanan dan hasrat keusahawanan: Satu penilaian instrumen dalam mengkaji kecenderungan keusahawanan. *Jurnal Personalia Pelajar*, 15, 61-69.
- Hariyaty Ab Wahid. 2008. Tinjauan awal pemikiran keusahawanan di kalangan pentadbir Sekolah Rendah. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Hasniza Hafidzin. (2011). Kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar jurusan Perdagangan di SMK Seksyen 24 (2), Shah Alam, Selangor. Universiti Utara Malaysia.
- Huitt, W. (1998). *Critical thinking: An overview*. *Educational Psychology Interactive*. Valdosta State University.
- Istetimurni Rustani & Noviarti Zulkarnaini. 2016. Pemikiran dan tingkahlaku kewirausahaan wirausahawan makanan tradisional khas Minangkabau Sumatera Barat, Indonesia. *Journal of Teaching and Learning*, 1 (2).
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2013. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2015*. Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya.
- Kerlinger, F.N. 1986. *Foundation of behavioral research: Education and psychological inquiry*. London: Holt, Reinhart & Winston.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. 1970. *Determining sample size for research activities*. *Educational and psychological measurement*, 30, 608.
- Maya Matriana. 2014. Studi komparatif pengaruh motivasi, perilaku belajar, *self-efficacy* dan status kerja terhadap prestasi akademik antara mahasiswa bekerja dan tidak bekerja. Universiti Diponegoro Semarang.
- Milawati Mohd Diah. 2007. Kesiediaan pelajar tahun akhir Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia untuk menceburi bidang keusahawanan. Universiti Teknologi Malaysia.

- Mohd Fathullah Mohd Aznam. (2013). Analisis peluang perniagaan. Maktab Koperasi Malaysia.
- Mohd Hafeez Al-Amin Abdul Wahab. 2013. Penerapan kemahiran keusahawanan dalam kalangan pelajar bidang Kejuruteraan Mekanikal di UTHM. Universiti Tun Hussien Onn.
- Mohd Hassan Mohd Osman. 2007. Faktor-faktor yang telah mendorong graduan dan alumni Universiti Teknologi Malaysia menceburi bidang keusahawanan. Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Shahrir Abdullah. (2015). Faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar-pelajar Diploma Kejuruteraan politektik dalam menceburi bidang keusahawanan. Universiti Tun Hussien
- Montano, D. & Kasprzk. (2008). *The Theory of Reasoned Action, Theory of Planned Behavior and the Integrated Behavioral Model*. In Glanz, K.M., Rimer, B.K. & Viswanath, K. (Eds.). *Health behavior and health education: Theory, research and practice*, pp. 67-96, 4th Edition, San Francisco, California: Jossey- Bass.
- Norasmah Othman, Azzyyati Anuar & Muhammad Husin. (2009). Kekangan dalam menjalankan perniagaan dalam kalangan pelajar di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar Bil. 2 (87-107)*.
- Nor Aishah. (2011). Psikometriks Indeks Keusahawanan Nor Aishah (PIKEN). (<http://demo.olpei.com/>). 20/12/2016.
- Portal Rasmi Syarikat Suruhanjaya Malaysia (SSM). 2016. (<http://www.ssm.com.my/>). 20/12/2016.
- Puspawati, P. 2013. Kecenderungan pelajar Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia dalam menceburi bidang keusahawanan. Universiti Tun Hussien Onn.
- Ravi, N. 2015. Hubungan sikap, pemikiran dan tingkah laku terhadap keinginan dalam pemilihan kerjaya keusahawanan dalam kalangan prasiswazah India di IPT sekitar Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sekaran, U. (2006). *Research Method for Business: A Skill Building Approach*. New Delhi: John Wiley & Sons. Inc.
- Sekaran, U. & Bougie, R. 2013. *Research Method for Business: A Skill Building Approach*. United Kingdom: John Wiley & Sons. Inc.
- Siti Hawa Mohamed Idris. (2009). Kecenderungan keusahawanan di kalangan pelajar bidang kejuruteraan di Institut Pengajian Tinggi Awam di kawasan utara Semenanjung Malaysia. Universiti Utara Malaysia.
- Yusof Boon & Sapiah Bohari. (t.t). Kesiediaan untuk menceburi bidang keusahawanan

di kalangan pelajar-pelajar bumiputera tingkatan empat di tiga buah sekolah sekitar Skudai, Johor. Universiti Teknologi Malaysia.

Zulfaka Ishak, Nor Aishah Buang & Lilia Abd. Halim. (2011). Ciri-ciri dan tahap pemikiran Sains Keusahawanan: Kesiediaan integrasi pemikiran keusahawanan dalam proses pengajaran guru-guru Sains di MRSM. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan Bil. 1 (1)*.